



**UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH**

جامعة السلطان احمد شاه الإسلامية بهانج
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

**UNIT INTEGRITI
UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH**



**POLISI
WHISTLEBLOWING
UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH
(UnIPSAS)**





UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH

جامعة السلطان أحمد شاه الإسلامية ببهانج
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

POLISI WHISTLEBLOWING

UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

KANDUNGAN

1.0	LATAR BELAKANG	1
2.0	TUJUAN	1
3.0	DEFINISI	1
4.0	SKOP	2
5.0	KENYATAAN POLISI	2
6.0	PEMBERIAN MAKLUMAT	3
7.0	PENDEDAHAN SALAH LAKU	4
8.0	PELINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT	5
9.0	PROSES PENGURUSAN ADUAN	6
10.0	SALURAN ADUAN	6





1.0 LATAR BELAKANG

Sebagai jaminan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti, UnIPSAS sentiasa komited dan bertanggungjawab dalam menguruskan setiap aduan dan maklumbalas daripada Anggota Kerja UnIPSAS (AKU), pelanggan, dan orang awam berkaitan tatatertib, penipuan, penyelewangan, rasuah, salahguna kuasa, dan pelbagai isu pelanggaran integriti atau tatakelakuan. Sebagai sebahagian daripada usaha tersebut, UnIPSAS telah mewujudkan Polisi Pemberian Maklumat (Whistleblowing Policy) bagi menguruskan proses aduan salahlaku dan penyelewangan serta perlindungan kepada pemberi maklumat dengan lebih berkesan.

Polisi ini dibangunkan bagi membanteras setiap aktiviti yang tidak berintegriti selaras dengan hasrat kerajaan untuk memerangi rasuah dan kesalahan-kesalahan lain yang melibatkan semua aktiviti di UnIPSAS sebagai Institusi Pengajian Tinggi.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Polisi ini bertujuan memudahkan pendedahan dibuat seawal mungkin dengan penuh tanggungjawab.
- 2.2 Untuk melindungi AKU, Pelanggan dan orang awam yang melaporkan pelanggaran tatakelakuan atau integriti yang berlaku di UnIPSAS.

3.0 DEFINISI

3.1 Hadiah

Hadiah termasuk :

- wang tunai
- harta alih atau tak alih
- kenderaan
- tambang percuma ke sebarang destinasi
- saham
- tiket loteri
- baucar
- kemudahan perjalanan sama ada di dalam atau di luar negara
- hiburan dan sukan seperti tiket wayang/tiket karaoke/konsert/ perlawanan bola sepak
- perkhidmatan seperti spa/rawatan muka/rawatan kecantikan dan sebagainya
- keahlian kelab seperti kelab golf/badminton/hoki
- apa-apa bentuk diskaun atau komisen
- hamper termasuk makanan atau kosmetik
- barang kemas seperti rantai, cincin, gelang
- perhiasan seperti loket, jam tangan, barangan perhiasan kristal
- apa-apa pemberian yang bernilai
- keraian seperti cenderamata





3.2 Apa-apa Benda Lain Yang Bernilai

Barangan elektronik termasuk telefon bimbit, komputer, Smart tag, Kad Touch & Go dan sebagainya.

3.3 Tajaan

Sebarang sumbangan yang diterima dari pihak lain sama ada yang diberikan untuk menjayakan sesuatu projek atau program UnIPSAS.

3.4 Anggota Kerja UnIPSAS

Semua Anggota Kerja UnIPSAS termasuk pekerja di bawah terma kontrak, pekerja sementara atau jangka pendek dan pekerja dalam terma peminjaman (secondment).

3.5 Ketua Jabatan

Ketua Bahagian/ Jabatan / Pusat yang mempunyai kedudukan tertinggi dalam Bahagian/Jabatan / Pusat mengikut struktur organisasi semasa.

4.0 SKOP

Polisi ini adalah terpakai untuk semua AKU di sepanjang tempoh perkhidmatannya di UnIPSAS dan juga pelanggan yang berurusan dengan pihak UnIPSAS seterusnya orang awam yang ingin membuat aduan salah laku di kalangan AKU serta sistem pengurusan di UnIPSAS.

5.0 KENYATAAN POLISI

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] telah diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010. Akta ini bertujuan untuk membanteras salah laku dalam sektor awam dan swasta terutamanya salah laku berkaitan gejala rasuah, jenayah dan tatatertib. Ia juga boleh dilaksanakan oleh semua agensi yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.

UnIPSAS komited untuk mewujudkan pentadbiran yang cekap, berdisiplin dan berintegriti tinggi dalam setiap peringkat. selaras dengan komitmen ini, UnIPSAS sedia menerima aduan dari mana-mana pihak mengenai sebarang salahlaku yang tidak wajar berlaku.

UnIPSAS juga komited untuk melindungi pihak yang memberi maklumat agar mereka dihindari daripada penganiayaan di atas pemberian maklumat tersebut.





6.0 PEMBERI MAKLUMAT

Pemberi maklumat bertindak membuat aduan berdasarkan faktor pengetahuan sendiri iaitu mereka mengetahui kerana mereka mengalami sendiri kelakuan tidak wajar tersebut. Selain itu pemberi maklumat boleh membuat aduan berdasarkan pengetahuan yang munasabah dan dipercayai olehnya iaitu kelakuan tidak wajar telah diceritakan atau dimaklumkan oleh orang lain dan pemberi maklumat itu yakin dan percaya kepadanya. Maklumat yang diterima daripada pemberi maklumat yang didapati mempunyai tujuan membuat pertuduhan palsu dan berniat menimbulkan kekecohan akan dianggap sebagai satu kelakuan tidak wajar dan bakal berdepan dengan tindakan disiplin. Pemberi maklumat dibahagikan kepada dua kategori iaitu dalaman dan luaran.

6.1 Dalaman

Pemberi maklumat (Whistleblower) di peringkat dalaman adalah daripada AKU yang terdiri daripada kakitangan tetap, kontrak dan sambilan.

6.2 Luaran

Pemberi maklumat luaran adalah terdiri daripada pelanggan dan orang awam. Pelanggan UnIPSA adalah termasuk pelajar, ibu bapa pelajar, penyewa, pembekal serta pihak berkepentingan. Orang awam adalah masyarakat setempat yang mempunyai maklumat kelakuan tidak wajar yang berkaitan dengan AKU.

7.0 PENDEDAHAN SALAH LAKU

Setiap AKU, pelajar dan orang awam boleh membuat aduan berkenaan sebarang “Kelakuan Tidak Wajar” yang berlaku di UnIPSA. Ia merupakan satu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah dan termasuk yang berikut:

- Salah guna Kuasa
- Rasuah
- Penipuan
- Pemalsuan dokumen
- Salah guna aset atau harta Universiti
- Penganiayaan
- Gangguan seksual





8.0 PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT


UnIPSAS akan melindungi pemberi maklumat daripada tindakbalas, diskriminasi, dan tindakan yang boleh memudaratkan pemberi maklumat akibat daripada pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat oleh mereka. UnIPSAS bertindak melindungi pemberi maklumat berkaitan perkara berikut:

- a) Perlindungan maklumat sulit termasuk maklumat identiti, alamat, jawatan, pekerjaan, dan semua informasi yang berkaitan dengan profil pemberi maklumat.
- b) Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan termasuk tindakan yang menyebabkan kecederaan, kerosakan, ugutan, gangguan, serta sebarang ancaman kepada pemberi maklumat serta mana-mana pihak yang mempunyai hubungan dengan pemberi maklumat.



9.0 PROSES PENGURUSAN ADUAN

Unit Integriti adalah pihak bertanggungjawab menerima aduan melalui saluran aduan yang ditetapkan. Semakan borang whistleblowing akan dibuat bagi memastikan segala maklumat adalah lengkap sebelum penyediaan laporan dan dihantar kepada Jawatankuasa Siasatan untuk tindakan lanjut. Proses pengurusan aduan dapat diterangkan melalui carta alir berikut:





10.0 SALURAN ADUAN

Seorang pemberi maklumat boleh membuat pendedahan menggunakan mana-mana saluran berikut :

1. Secara bertulis dan dihantar kepada :-

Unit Integriti

Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

KM 8, Jalan Gambang

25150 Kuantan

Pahang Darul Makmur.

No. Tel: 09-553 5555

No. Fax : 09-536 4421

2. Atau email aduan kepada : integriti@unipsas.edu.my

